# PARLIMEN MALAYSIA



**RANG UNDANG-UNDANG**

**Perjanjian Bretton Woods (Pindaan)**

**DR.56/1971**

57

**D. R. No.** ~~56~~ 71

# RANG UNDANG²

*bernama*

Suatu Akta bagi meminda Ordinan Penchen, 1951 untok mengadakan peruntokan berkenaan dengan persaraan atas sebab² kepentingan negara.

[*1hb Ogos, 1970.*]

MAKA INI-LAH DI-PERBUAT UNDANG² oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripada-nya, saperti berikut:

**1.** Akta ini boleh-lah di-namakan Akta Penchen (Pindaan), 1971 dan hendak-lah di-sifatkan sa-bagai telah mula ber-kuatkuasa pada 1hb Ogos, 1970. Tajok ringkas dan mula berkuat-kuasa.

**2.** Ordinan Penchen, 1951, ada-lah dengan ini di-pinda mengikut chara yang di-nyatakan dalam Jadual bersama ini. Pindaan. *1/51.*

**3.** Ordinan No. 40 (Kuasa² Perlu) Dharurat, 1970 ada-lah dengan ini di-mansokhkan. Pemansokhan.

JADUAL

(*Pindaan bagi Ordinan Penchen, 1951*)

| Peruntokan | Jenis Pindaan |
|---|---|
| Sekshen 8 ... | (i) Gantikan koma bernokhtah bagi nokhtah yang terdapat di-hujong perenggan (*h*) sekshen-kechil (2) dan masokkan perkataan "or" sa-lepas sahaja koma bernokhtah itu; dan |
| | (ii) masokkan sa-lepas sahaja perenggan (*h*) sekshen-kechil (2) perenggan baharu yang berikut— "(i) on the ground of national interest.". |
| Sekshen 10 ... | (i) Gantikan koma bernokhtah bagi nokhtah yang terdapat di-hujong perenggan (*g*) dan masokkan perkataan "or" sa-lepas sahaja koma bernokhtah itu; dan |
| | (ii) masokkan sa-lepas sahaja perenggan (*g*) perenggan baharu yang berikut— "(*h*) on the ground of national interest.". |

## HURAIAN

Pada menjalankan kuasa$^2$-nya di-bawah Perkara 150 (2) Perlembagaan Persekutuan, Yang di-Pertuan Agong telah mengishtiharkan Ordinan No. 40 (Kuasa$^2$ Perlu) Dharurat, 1970 untok meminda Ordinan Penchen, 1951 bagi maksud membuat peruntokan$^2$ berkenaan dengan persaraan atas sebab$^2$ kepentingan negara.

Rang Undang$^2$ ini sa-mata$^2$ bertujuan untok memasokkan pindaan itu dalam suatu undang$^2$ yang kekal. [PN. (U$^2$) 194.]